



Seorang kanak-kanak Yaman yang cedera dalam serangan di Hajjah, dirawat di Sanaa.

12 kanak-kanak Yaman maut

➔ Pemberontak Houthi dakwa pakatan Arab Saudi dalang serangan

► Sanaa

Seramai 12 kanak-kanak dan 10 wanita dilaporkan maut dalam serangan di Hajjah, wilayah di utara Yaman dalam tempoh 48 jam, kata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kelmarin.

Pejabat Penyelaras Kemanusiaan PBB (OCHA) dalam satu kenyataan berkata, sehingga 30 orang dilaporkan cedera termasuk 14 kanak-kanak, dengan beberapa mangsa 'memerlukan pemindahan segera untuk menyelamatkan nyawa.'

Bagaimanapun, PBB enggan menuduh sesiapa dalam ser-

ngan itu, namun cawangan media pemberontak Houthi menuduh pakatan diketuai Arab Saudi yang berjuang bagi pihak kerajaan Yaman menjadi dalang pengeboman itu.

10 juta penduduk kebulur

Beberapa kawasan di wilayah Hajjah dikawal tentera kerajaan, sementara kawasan lain seperti daerah Kushar yang diserang baru-baru ini, dikuasai pemberontak Houthi disokong Iran.

Jurucakap pemberontak Houthi, Deifallah al-Shami, dalam satu kenyataan disiarkan agensi berita Saba, menuduh tentera pakatan sengaja mela-

kukan pembunuhan itu.

Dalam pada itu, usaha AFP untuk mendapatkan maklum balas daripada tentera pakatan diketuai Arab Saudi berhubung serangan itu, masih belum membuahkan hasil.

Arab Saudi dan tentera sekutu mula terbabit dalam perang di Yaman sejak empat tahun lalu dan ia mencetuskan konflik kemanusiaan terburuk di dunia.

Menurut PBB, sebahagian besar populasi di negara itu memerlukan bantuan kemanusiaan dan 10 juta penduduk kini berdepan masalah kebuluran.

AFP